

## ***Kemaskini Terma dan Syarat bersempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2024***

### **Kempen Pelabur Cilik (“Kempen”)**

#### Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kempen ini bermula pada 00:00 jam (GMT + 8) 1hb September 2024 dan berakhir pada 23:59 jam (GMT + 8) 31 Disember 2024 (“Tempoh Kempen”).
3. ASNB telah mengemaskini terma dan syarat Kempen ini berkuatkuasa pada 1<sup>hb</sup> November 2024, dengan meminda jumlah pemenang untuk Hadiah Bulanan berdasarkan nilai simpanan di bawah Kategori A.
4. ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlak.
5. Kelayakan:

#### **5.1 Kategori (A): Hadiah Bulanan (“Kategori (A)”)**

- 5.1.1 Kategori (A) ini terbuka kepada semua pemegang unit yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun yang melabur melalui **platform myASNB** (“Peserta”) bagi mana-mana tabung unit amanah ASNB berikut sepanjang Tempoh Kempen:


##### Bagi Peserta Bumiputera

- i. Amanah Saham Bumiputera (“ASB”); atau
- ii. Amanah Saham Bumiputera 2 (“ASB 2”);

##### Bagi Peserta Bukan Bumiputera

- i. Amanah Saham Malaysia 3 (“ASM 3”),  
(secara kolektif, “Tabung Unit Amanah”).

- 5.1.2 Peserta perlu memasukkan kod rujukan “**CILIKHEBAT**” di platform myASNB semasa melaksanakan pelaburan sepanjang Tempoh Kempen.



- 5.1.3 Peserta bagi Kategori (A) ini layak untuk mendapatkan hadiah dengan menyertai Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen dan hadiah bulanan adalah berdasarkan nilai simpanan seperti berikut:

| Nilai pelaburan terkumpul bulanan beserta kod rujukan (RM) | Platform | Bulan         | Jumlah Pemenang     | Hadiah                              |
|------------------------------------------------------------|----------|---------------|---------------------|-------------------------------------|
| RM1,000.00 - RM50,000.00                                   | myASNB   | November 2024 | 150 Peserta pertama | Baucar Taman Tema bernilai RM100.00 |
|                                                            |          | Disember 2024 | 150 Peserta pertama | Baucar Taman Tema bernilai RM100.00 |

- 5.1.4 Setiap Peserta hanya layak untuk mendapat satu (1) hadiah sahaja pada setiap bulan. Walaubagaimanapun, Peserta layak menerima lebih daripada (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen, sekiranya menepati syarat seperti jadual di atas. Hadiah tersebut tidak boleh ditukar kepada wang tunai.

- 5.1.5 Hadiah tersebut akan diemel ke alamat emel Peserta yang didaftarkan di dalam sistem ASNB dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum Wilayah Persekutuan) selepas tarikh akhir bagi bulan sebelumnya.

## **5.2 Kategori (B): Hadiah Istimewa Cabutan Bertuah (“Kategori (B)”)**

- 5.2.1 Kategori (B) ini terbuka kepada semua Peserta sepanjang Tempoh Kempen.
- 5.2.2 Bagi setiap Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) nilai unit yang dilaburkan dalam mana-mana Tabung Unit Amanah, Peserta akan mendapat satu (1) penyertaan bagi Kategori (B) ini. Setiap Peserta adalah terhad kepada dua puluh (20) penyertaan sahaja.
- 5.2.3 Hadiah bagi Kategori (B) ini adalah seperti berikut:

| Jumlah Pemenang | Hadiah Kategori (B) |
|-----------------|---------------------|
| 5 orang Peserta | 1 x Nintendo Switch |

- 5.2.4 Pemilihan pemenang bagi Kategori (B) ini hanya akan dilaksanakan selepas Tempoh Kempen tamat. Pemenang bagi Kategori (B) ini akan dipilih secara rawak dengan mengambil kira nilai penyertaan, melalui sistem berkomputer yang dikendalikan oleh pihak ASNB.
- 5.2.5 Setiap pemenang hanya layak untuk mendapat satu (1) hadiah sahaja daripada Kategori (B) ini. Pemenang bagi Kategori (B) ini akan dihubungi oleh pihak ASNB selepas keputusan dibuat. Hadiah bagi Kategori (B) ini tidak boleh ditukar kepada wang tunai.
- 5.2.6 Hadiah bagi Kategori (B) ini akan dihantar ke alamat pemenang yang didaftarkan di dalam sistem ASNB dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum Wilayah Persekutuan) selepas keputusan dibuat.
- 5.2.7 Pihak ASNB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada hadiah Kategori (B) ini semasa proses penghantaran/penebusan hadiah tersebut.

## **5.3 Pendaftaran Baru Bagi Akaun Remaja/Bijak Sepanjang Tempoh Kempen**

- 5.3.1 Bagi Peserta yang membuat pendaftaran baru dengan membuka mana-mana akaun Tabung Unit Amanah di mana-mana cawangan ASNB/ejen yang berdaftar dan seterusnya melaksanakan pelaburan tambahan dengan menggunakan kod rujukan “**CILIKHEBAT**” di platform myASNB sepanjang Tempoh Kempen layak untuk mendapat hadiah berikut:

| Jumlah pendaftaran baru                                                                                                                                                                                                                                     | Hadiah Bonus                  |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| Lima ratus (500) orang Peserta pertama yang berdaftar sebagai pemegang unit baru bagi setiap bulan bagi mana-mana akaun Tabung Unit Amanah dan melaksanakan pelaburan tambahan dengan menggunakan kod rujukan " <b>CILIKHEBAT</b> " sepanjang Tempoh Kempen | Unit percuma bernilai RM20.00 |

5.3.2 Hadiah bonus akan dikreditkan ke akaun Tabung Unit Amanah Peserta dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum Wilayah Persekutuan) selepas Tempoh Kempen tamat. Hadiah bonus tersebut tidak boleh ditukar kepada wang tunai.

5.3.3 Sekiranya unit pelaburan telah melebihi had nilai maksima, hadiah bonus akan dikreditkan ke dalam akaun bank Peserta yang berdaftar di ASNB.

### Lain-lain Terma dan Syarat

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan dan mengizinkan ASNB dan/atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh ASNB bagi tujuan Kempen ini untuk mengguna, memproses dan menzahir nama, butiran peribadi dan gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
2. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.
3. Setakat mana yang diperuntukkan oleh undang-undang, ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini.
4. Kumpulan Permodalan Nasional Berhad tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen ini atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen ini.

6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.
7. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk dengan sebarang pindaan, penghapusan atau penambahan, akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
8. Sebarang keputusan oleh ASNB bagi senarai pemenang Kempen ini yang layak menerima hadiah dan/atau hadiah bonus adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
9. Sekiranya pemenang bagi Kempen ini tidak memberi maklum balas/gagal dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, pihak ASNB berhak membatalkan kemenangan tersebut.
10. ASNB berhak untuk mengganti dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya.
11. Penyertaan dalam Kempen ini adalah tidak tertakluk kepada hadiah yang tersedia untuk Peserta melalui aktiviti di lapangan, sekiranya ada.
12. Terma dan syarat Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
13. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara dua (2) versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan